



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH FIKRAH PENERBIT DAN INSTITUSI MEDIA TERHADAP
KUALITI PENERBITAN RANCANGAN BERUNSUR ISLAM DI STESEN
TELEVISYEN***

MD. ROZALAFRI JOHORI

FBMK 2020 52



**PENGARUH FIKRAH PENERBIT DAN INSTITUSI MEDIA TERHADAP
KUALITI PENERBITAN RANCANGAN BERUNSUR ISLAM DI STESEN
TELEVISYEN**

Oleh

MD. ROZALAFRI JOHORI

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Mac 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

*Untuk pencinta ilmu yang ingin mengenali fikrah diri dan memperjuangkan
rancangan TV Islam yang berkualiti...*



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENGARUH FIKRAH PENERBIT DAN INSTITUSI MEDIA TERHADAP
KUALITI PENERBITAN RANCANGAN BERUNSUR ISLAM DI STESEN
TELEVISYEN**

Oleh

MD. ROZALAFRI JOHORI

Mac 2020

Pengerusi : Megat Al-Imran Yasin, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Pelbagai kajian telah dilakukan terhadap rancangan televisyen (TV) berunsur Islam kerana terdapat kritikan berkenaan kualiti rancangan yang rendah, malah pernah diulas isu ini oleh Perdana Menteri Malaysia ke-6 dalam ucapan beliau. Walaupun begitu, masih juga terdapat rancangan TV Islam yang tidak berkualiti disiarkan sehingga kini, ia seperti tiada tindakan yang dilakukan oleh penerbit dan institusi penyiaran TV untuk menanganinya. Oleh itu, kajian kualitatif fenomenologi ini menggunakan rekabentuk temubual secara mendalam dengan informan yang terdiri penerbit, pengurusan stesen TV dan personaliti agama yang dipilih dengan teknik persempelan bertujuan dan teknik bola salji untuk mendapatkan jawapan. Rekabentuk ini ditriangulasikan dengan rekabentuk perbincangan meja bulat dengan informan dalam kalangan mengamal media yang dipilih secara persempelan bertujuan. Ini bagi mencapai objektif kajian iaitu, (1) untuk mengetahui pengaruh fikrah penerbit terhadap kualiti rancangan TV Islam yang diterbitkan, (2) untuk mengenalpasti pengaruh institusi media terhadap penerbitan rancangan TV Islam dan (3) untuk menganalisis konsep kualiti pada perspektif penerbitan rancangan TV Islam. Hasil kajian daripada objektif pertama mendapati bahawa faktor fikrah penerbit sangat mempengaruhi kualiti rancangan TV Islam yang mana terdiri daripada tiga kategori iaitu Tauhid, Syariah dan Akhlak yang merangkumi sepuluh tema. Hasil kajian daripada objektif kedua mendapati bahawa faktor-faktor ekonomi politik institusi stesen TV turut sangat mempengaruhi kualiti penerbitan rancangan TV Islam yang mana terdiri daripada tiga kategori iaitu Komodifikasi, Spatialisasi dan Strukturisasi yang merangkumi 12 tema. Hasil kajian terakhir berdasarkan objektif kajian ketiga pula dapat difahami bahawa konsep kualiti daripada perspektif penerbitan rancangan TV Islam melibatkan empat tema iaitu Al-Quran dan sunah sebagai asas kualiti, kandungan rancangan yang mantap (kualiti fungsi), personaliti TV Islam yang berkarisma (kualiti reputasi) dan olahan kreatif teknikal persembahan (kualiti teknikal). Kesimpulan daripada kajian didapati bahawa asas Islam dan fikrah penerbit sangat mempengaruhi kualiti kandungan dan kreativiti

yang patuh syariah. Namun, pengaruh-pengaruh ekonomi politik institusi secara keseluruhannya turut mempengaruhi dalam menjayakan penerbitan rancangan TV Islam yang berkualiti. Oleh itu, untuk kajian yang akan datang, penyelidik mencadangkan agar kajian menilai perspektif ekonomi politik institusi media rancangan TV Islam dalam pasaran masyarakat menerusi platform media baru kerana mempunyai potensi ekonomi yang tinggi dengan jangkauan penontonan yang luas.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

THE INFLUENCE OF PRODUCER'S FIKRAH AND MEDIA INSTITUTIONS ON THE QUALITY OF ISLAMIC TELEVISION PROGRAMMES IN TELEVISION STATION

By

MD. ROZALAFRI JOHORI

March 2020

Chairman : Megat Al-Imran Yasin, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Various studies have been conducted on Islamic television programmes due to criticisms of the low quality of the programme, and this issue was even discussed by the 6th Prime Minister of Malaysia in his speech. However, there are still some non-quality Islamic television programmes being broadcast to this day, it seems that no action has been taken by producers and TV broadcasting institutions to handle them. Therefore, this phenomenological qualitative study utilized in-depth interview design with informants consisting of producers, TV stations managements and selected religious personalities with purposive sampling techniques and snowball techniques to obtain answer. This design is triangulate by roundtable discussion with informants in the practice of the selected media of the purposive sampling. This was to achieve the objectives of the study, (1) to identify the influence of producer's *fikrah* on the quality of Islamic television programmes, (2) to identify the influence of media institutions on the production of Islamic television programmes and (3) to analyse quality concepts in the perspective of Islamic television programmes production. The findings from the first objective found that the factors of the producer's *fikrah* greatly influenced the quality of the Islamic television programmes, which consisted of three categories namely Tauhid, Shariah and Ihsan which included ten themes. The findings from the second objective found that the political economic factors of TV stations institutions also greatly influenced the quality of the production of Islamic television programmes, which consisted of three categories namely Commodification, Specialization and Structuring covering 12 themes. The results of the third study are based on the third objective which is to understand that the concept of quality from the perspective of the production of Islamic television programmes involves four themes namely the Quran and Sunnah as the basis of quality, well-designed content (functional quality), charismatic TV personality (reputation quality) and technical presentation (technical quality). The findings of the study suggest that Islamic fundamentals and producers' beliefs greatly influence the quality of Shariah-compliant

content and creativity. However, the political economy's factor influence on the institution as a whole has contributed to the successful production of quality Islamic television programmes. Therefore, for future studies, the researchers propose that the study evaluates the political economic perspective of Islamic TV media institutions in the public market through new media platforms as they have high economic potential with a broad reach.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah setinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana memakbulkan doa dan memberi kekuatan mental dan fizikal dalam menyiapkan tesis ini.

Jutaan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Dr. Megat Al-Imran Yasin dan juga Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Prof. Madya Dr. Nor Azura Adzharuddin dan Dr. Rosya Izyanie Shamshudeen dari Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM. Semoga Allah SWT memberkati dan merahmati kalian semua.

Khas juga untuk emak Juariah Mustafa dan abah Johori Mohamed yang tidak jemu mendoakan kejayaan ini. Terima kasih tidak terhingga juga kepada isteri Puan Hilyana Mokhtar atas segala doa, dorongan dan bantuan yang tidak ternilai harganya sehingga selesainya penulisan tesis ini. Juga kepada anak-anak Haikal Rozal, Haziq Rozal dan Haqem Rozal sebagai penguat semangat abah. Terima kasih juga kepada semua ahli keluarga dan sahabat-sahabat terdekat atas segala doa dan sokongan. Hanya Allah S.W.T yang mampu membalas segala jasa dan budi dengan rahmat dan kasih sayangNya.

Semoga semua yang dikongsikan ini mampu dimanfaatkan kepada agama, bangsa dan tanah air. Allahumma Aamiin.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

Megat Al-Imran Yasin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nor Azura Adzharuddin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Rosya Izyanie Shamshudeen, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 September 2020

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Md. Rozalafri Johori, GS35052

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Megat Al-Imran Yasin

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Nor Azura Adzharuddin

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Rosya Izyanie Shamshudeen

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	Pengenalan	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Permasalahan Kajian	3
	Persoalan Kajian	7
	Objektif	7
	Kepentingan Kajian	7
	Kepentingan Terhadap Penambahbaikan Teori	8
	Kepentingan Terhadap Industri Penyiaran	9
	Kepentingan Terhadap Dasar-Dasar Kerajaan	10
	Skop Kajian	10
	Takrifan Konsep	11
	Rancangan TV Islam	11
	Fikrah (فكرة)	12
	Institusi Media Penyiaran	12
	Ekonomi politik media	13
	Kualiti Rancangan TV	13
	Penerbit Rancangan	14
	Kata Kunci	14
	Rumusan	14
2	SOROTAN LITERATUR	15
	Pengenalan	15
	Sejarah Ringkas Malaysia	15
	Sejarah Penyiaran Malaysia	18
	Sejarah TV Islam Malaysia	23
	Televisyen Islam di Malaysia	35
	Konsep Dan Falsafah Media Islam	38
	Penontonan dan Kualiti Rancangan TV	40
	Konsep Kualiti Rancangan TV	42
	Isu dan cabaran kualiti rancangan TV	45
	Pandangan Hidup Asas Pembentukan Fikrah	47
	Pandangan Hidup Islam	48
	Definisi dan Konsep Fikrah	50

	Fikrah Diri Penerbit	51
	Teori <i>Auteur</i> dan Fikrah Penerbit	55
	Institusi Media Penyiaran	57
	Ekonomi Politik Penyiaran TV	60
	Media Penyiaran Dalam Industri Hiburan	64
	Realiti Industri Media Penyiaran	67
	Dasar Kerajaan Terhadap Media Penyiaran	68
	Kerangka Teoritikal Kajian	71
	Kerangka Konseptual Kajian	72
	Rumusan	73
3	METODOLOGI KAJIAN	74
	Pengenalan	74
	Rekabentuk Kajian	74
	Ontologi	76
	Epistemologi	76
	Aksiologi	77
	Paradigma Kajian	78
	Kajian Fenomenologi	80
	Triangulasi	81
	Temubual Bersemuka Secara Mendalam	82
	Kaedah Temubual Semi-Struktur	82
	Pengumpulan Data	83
	Protokol temubual	84
	Populasi Dan Informan Kajian	88
	Kriteria Penerbit	89
	Kriteria Pengurusan Stesen TV	90
	Kriteria Personaliti TV Islam	90
	Persidangan Meja Bulat (PMB)	90
	Panel Informan	91
	Protokol Persidangan Meja Bulat	91
	Analisis Data	92
	Analisis Tematik Atlas.ti	93
	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Kajian	95
	Etika Penyelidikan	97
	Kajian Rintis	86
	Rumusan	98
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	100
	Pengenalan	100
	Profil Biografi Informan	100
	Persoalan Kajian 1: Adakah fikrah penerbit mempengaruhi kualiti rancangan TV Islam yang diterbitkan	102
	Tauhid: Rukun Iman	103
	1. Berkefahaman Islam dengan ilmu	104
	2. Prinsip hidup Islam	107
	3. Kesedaran adalah hidayah Allah	109
	Syariat: Rukun Islam	111
	1. Kerja adalah ibadah	112

2. Berdakwah melalui kerjaya	113
3. Berdakwah melalui hiburan	115
Akhlak: Ihsan	117
1. Bertanggungjawab atas penerbitan	118
2. Mencari keberkatan hidup	120
3. Mencari ketenangan diri	122
4. Ikhlas hati	123
Fikrah penerbit yang mempengaruhi penerbitan Rancangan TV Islam	125
Persoalan Kajian 2: Bagaimanakah institusi media mempengaruhi penerbitan rancangan TV Islam	126
Pengaruh ekonomi politik terhadap komodifikasi	128
1. Rating teras ekonomi penyiaran	128
2. Kandungan Islam sebagai komoditi	131
3. Masa siaran sebagai komoditi	134
4. Jenama rancangan sebagai komoditi	141
5. Populariti personaliti TV Islam	144
Pengaruh ekonomi politik terhadap spatialisasi	147
1. Sokongan media baru	147
2. Interaktif	150
3. Narrowcasting	151
4. Mewujudkan aplikasi telefon pintar	152
Pengaruh ekonomi politik terhadap strukturisasi	153
1. Tadbir urus institusi stesen TV	153
2. Kawalan institusi kerajaan	154
3. Pengaruh politik kepartian	166
Ekonomi politik institusi media penerbitan rancangan TV Islam	174
Persoalan Kajian 3: Bagaimanakah konsep kualiti pada perspektif penerbitan rancangan TV Islam	175
1. Al-Quran dan Sunah asas kualiti	178
2. Kandungan rancangan yang mantap (Kualiti Fungsi)	184
3. Personaliti TV Islam yang berkarisma (Kualiti Reputasi)	193
4. Olahan kreatif teknikal persembahan (Kualiti Teknikal)	199
Konsep kualiti pada perspektif rancangan TV Islam	206
Kerangka Konseptual Hasil Kajian	213
Rumusan	207

5	RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	209
	Pengenalan	209
	Ringkasan Kajian	209
	Kesimpulan Kajian	211
	Implikasi Kajian	216
	Terhadap Kerajaan	216
	Terhadap Industri Penyiaran	217
	Terhadap Masyarakat	218
	Cadangan Kajian Akan Datang	218

Rumusan	219
RUJUKAN	220
LAMPIRAN	240
BIODATA PELAJAR	246
SENARAI PENERBITAN	248



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Jumlah penerbit (2015)	88
2	Penerbitan Rancangan Islamik Stesen TV	89
3	Justifikasi Pemilihan Stesen TV Informan Berkhidmat	89
4	Biografi Informan Persidangan Meja Bulat (T)	91
5	Biografi Informan Penerbit (P)	101
6	Biografi Informan Pengurusan TV (M)	101
7	Biografi Informan Personaliti TV Islam (S)	101

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Hubungan Tiga Segi Dalam Islam (<i>Islamic Triangular Relationship</i>) (Ibrahim Abu Nab, 1984)	40
2	Model Kualiti Perkhidmatan Gronroos (1984)	44
3	Pandangan Hidup (<i>worldview</i>) Dalam Konteks Diri	47
4	Model Hubungan Antara Penilaian Religositi & Limitasi Penilaian	51
5	Model Teori <i>Auteur</i>	56
6	Model Ekonomi Politik Media	64
7	Kerangka Teoritikal Fikrah	72
8	Kerangka Konseptual Kajian	73
9	Rekabentuk Kajian	75
10	Model Bawang Penyelidikan	80
11	Pengaruh Fikrah Penerbit Terhadap Penerbitan Rancangan TV Islam Berkualiti	126
12	Pengaruh Institusi Media Terhadap Penerbitan Rancangan TV Islam	175
13	Dimensi Konsep Kualiti Perspektif Rancangan TV Islam	207
14	Model Penerbitan Rancangan TV Islam Berkualiti	215

SENARAI SINGKATAN

Astro	Astro All Asia Networks
BAHEIS	Bahagian Hal Ehwal Islam
BN	Barisan Nasional
FPEI	Forum Perdana Ehwal Islam
IYRES	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
LPF	Lembaga Penapis Filem
LPPKN	Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara
MEASAT	Malaysia East Asia Satellite
MEP	Bahagian Media Elektronik dan Penyiaran
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PMB	Persidangan Meja Bulat
ROI	<i>Return of Investment</i>
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
STMB	Sistem Televisyen Malaysia Berhad
TV	Televisyen
UAD	Unit Agama dan Dakwah
UDRTV	Unit Dakwah Radio dan TV
UMNO	United Malays National Organisation
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Bab ini mengemukakan perbincangan secara umum latar belakang kajian yang mana dikaitkan dengan pengaruh yang membentuk tahap kualiti rancangan dalam penyiaran televisyen (TV) Islam di Malaysia. Seterusnya topik perbincangan memfokuskan kepada permasalahan kajian yang mana menyorot isu-isu dan cabaran yang melibatkan pengaruh fikrah penerbit dan institusi media dalam penerbitan rancangan TV Islam yang berkualiti. Cetusan daripada itu, maka mencetuskan tiga (3) persoalan kajian yang mana membawa kepada penyelidikan untuk mencapai tiga (3) objektif kajian secara khusus. Selain daripada itu, penyelidik juga mengenalpasti kepentingan kajian agar ia menyumbang kepada keilmuan agar memberi manfaat dalam bidang ini. Walau bagaimanapun, sumbangan penyelidikan terbatas kepada skop kajian sahaja. Seterusnya bab ini turut menyenaraikan dan memberi definisi secara ringkas peristilahan konsep-konsep operasi yang menjadi asas kepada kajian.

Latar Belakang Kajian

Pengaruh penerbit ini adalah manifestasi fikrah Islam yang terdapat dalam diri mereka terhadap penerbitan rancangan TV Islam berlandaskan kepada pandangan hidup yang dimiliki berasaskan Rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan. Fikrah penerbit dapat dihuraikan sebagai penentu kepada kualiti keseluruhan hasil produksi rancangan TV Islam. Ia merupakan faktor manusia kerana melibatkan kreativiti persembahan dan kandungan rancangan itu sendiri. Ini kerana, pandangan hidup seorang penerbit yang berteraskan Islam iaitu fikrah merupakan kerangka pemikiran yang tepat dalam memmanifestasi menerbitkan rancangan TV Islam yang berkualiti. Seorang penerbit yang mempunyai fikrah yang mantap dalam diri akan menjadikan penerbitan rancangan TV sebagai suatu ibadah yang mana meletakkan keutamaan adalah kepada Allah berbanding penilaian manusia.

Secara asasnya fikrah merupakan perlakuan seseorang yang diterjemahkan daripada cara berfikir yang mana ia dipandu daripada prinsip yang akan menentukan tingkahlaku (Abdul Hamid, 2011). Ia merupakan pandangan hidup (*worldview*) atau tasawwur Islam setiap muslim dengan cara berfikir yang dominan yang di dalamnya terkandung jelas sebuah konsep yang dimanifestasikan dalam kehidupan dalam menentukan seluruh cita rasa, cara fikir, sikap, nilai, prinsip-prinsip agama, serta seluruh hubungan sosial politik, yang dilandasi keintelektualan dan moral seseorang (Syed Husin, 1987; Haron Din, 1992; Syed Mohd. Naquib, 2011; Mohd Shukri, 2012; Jamiah et. al, 2013; Siti Raba'ah, 2013; Fikhry, 2015; Awang Sariyan, 2016). Ini menunjukkan bahawa Islam melihat pembangunan fikrah manusia sebagai keutamaan berdasarkan risalah *nubuwwah* yang menekankan penyempurnaan akhlak manusia

yang merupakan “nilai dalaman” agar pandangan hidup Islam menjadi pola fikir yang sempurna dalam diri muslim.

Ini lebih menarik apabila Sarris, (1962) menyatakan bahawa “nilai dalaman” diri seorang penerbit merupakan asas kepada penghasilan sesebuah produksi yang berkualiti dan bermakna. Peranan premis ini berdasarkan teori auteur yang turut dipersetujui oleh ramai sarjana (Lihat Kolker, 2002; Cohen, 2004; Simpson et al., 2004; Raines, 2009; Asiah & Nur Kareelawati, 2011) yang memberi hujah bahawa kualiti sebuah hasil penerbitan rancangan TV adalah dipengaruhi oleh nilai dalaman. Ia merupakan fikrah dalam konteks penerbitan rancangan TV Islam. Dalam konteks kajian ini, fikrah adalah manifestasi Islam yang terdapat dalam diri penerbit ke dalam setiap ruang penerbitan rancangan TV yang diterbitkan. Ini kerana Raines (2009) berpendapat bahawa penerbit adalah dianggap sebagai kuasa kreatif paling utama dalam sebuah penerbitan. Ini kerana, penilaian sesebuah rancangan TV Islam meletakkan fikrah penerbit yang menjadikan produksi yang diterbitkan sebagai sebuah *manhaj al-dakwah* atau kaedah dakwah. Malah *auteur* Islamik meletakkan sandaran utama sepenuhnya kepada Allah SWT kerana ia adalah kunci utama dalam diri seseorang hambaNya kerana seorang penerbit itu juga adalah hamba Allah (Wawarah, 2015)

Berdasarkan literatur, penyelidik mendapati bahawa selain pengaruh fikrah penerbit, kualiti rancangan TV Islam turut dipengaruhi oleh kepentingan ekonomi politik sebuah institusi penyiaran stesen TV yang melangkaui dasar institusi, kepentingan ekonomi politik dan budaya. Ini menunjukkan bahawa pengaruh yang paling besar terhadap kualiti penerbitan rancangan TV Islam adalah institusi media penyiaran itu sendiri. Institusi media adalah sistem berstruktur tetap yang diorganisasikan oleh suatu komuniti yang merupakan sumber utama kod peraturan dan hubungan sosial yang memaksa dan mengawal individu serta sikap mereka berdasarkan teras nilai serta prinsip-prinsip budaya dan sosial yang disarankan serta diselaraskan (O'Sullivan et. al, 1994; Gill Branston & Roy Stafford, 2003; Abdul Pirol, 2009). Ini menunjukkan bahawa institusi mempengaruhi penerbitan kandungan rancangan TV dengan menyediakan infrastruktur dalam menyalurkan mesej yang perlu diketahui ataupun yang ingin diketahui oleh masyarakat berdasarkan kepentingan ekonomi politik dan sosial negara. Justeru, peranan media sebagai institusi dan juga industri kerana berpaksikan keuntungan yang bergerak secara selari memainkan peranan dalam pendidikan dan pembangunan masyarakat dalam menyalurkan informasi terhadap demografi yang pelbagai menerusi teknologi komunikasi. Apabila ciri-ciri ini dirujuk kepada prinsip ekonomi politik media, ia merangkumi platform asas institusi media yang mana Mosco (2009), menyatakan bahawa terdapat tiga platform yang mempengaruhinya iaitu pasaran (komodifikasi), pengaruh sistem media (strukturisasi) terhadap khalayak yang pelbagai dan pengaruh semasa yang melibatkan teknologi media (spatialisasi) dalam penyaluran maklumat. Ketiga-tiga pengaruh ini mempengaruhi institusi dalam menentukan hala tuju penerbitan rancangan TV Islam. Ia diterjemahkan di dalam visi dan misi institusi dan keseluruhan hasil produksi stesen TV sehingga menjadi identiti, imej dan meningkatkan reputasi institusi dengan kredibiliti yang paparkan.

Sebagai sebuah institusi dan juga industri yang mempunyai kuasa ekonomi, maka media telah berkembang menjadi industri yang paling luas jangkauannya disebabkan kemajuan teknologi. Namun, peranannya sebagai kuasa dalam ekonomi negara pada bila-bila masa akan terhakis apabila media harus membuat penawaran dan permintaan dengan kuasa pasaran dan kuasa politik (Abdul Pirol, 2009). Jadi rancangan TV Islam yang diterbitkan turut dipengaruhi oleh kepentingan ekonomi politik demi kelangsungan kewujudan institusi media itu sendiri. Institusi ini tidak dapat lari daripada ekonomi pasaran yang berasaskan permintaan dan penawaran, namun dalam hubungan ekonomi politik dengan tanggungjawab sosial. Adams-Bloom & Cleary (2009) berpendapat bahawa tanggungjawab sosial institusi media perlu berubah mengikut perkembangan saluran-saluran baru media kini, yang telah mengubah lanskap khalayak dengan menggunakan pendekatan kandungannya. Ini kerana orientasi ekonomi pasaran dan institusi kerajaan menentukan kepentingan modal atau kekuasaan, terutama jika melibatkan kepentingan institusi dalam konteks pasaran dan negara dalam menggerakkan operasi media (Ashadi Siregar, 2006). Keadaan pengaruh ekonomi politik ini lebih ketara memberi kesan terhadap institusi media penyiaran setelah dilaksanakan Dasar Penswastan (1983). Dasar ini telah merealisasikan penubuhan TV swasta pertama Malaysia iaitu TV3 pada 1 Jun 1984. Dasar ini telah merencanakan ekonomi industri media penyiaran dengan kemunculan stesen-stesen TV yang bersaing untuk mendapatkan *rating* penonton dan meningkatkan keuntungan daripada penajaan dan periklanan. Namun ia memberi kesan kepada penurunan *rating* penonton rancangan TV yang berunsurkan pendidikan seperti rancangan TV Islam kerana sambutan yang tinggi hanya terhadap rancangan berbentuk komersial dan hiburan. Situasi ini memaksa institusi media melaksanakan perubahan yang sepatutnya dalam mendapatkan keuntungan (Norhuda, 2016) termasuk dalam penerbitan rancangan TV Islam yang perlu seiring dengan kehendak pengaruh ekonomi politik dan perubahan teknologi. Walaupun rancangan TV Islam masih diterbitkan, tetapi berlaku pengabaian yang serius oleh institusi media penyiaran sehingga menyebabkan rancangan TV Islam berkualiti rendah.

Oleh itu berdasarkan konteks kajian, isu kualiti rancangan TV Islam telah mencetuskan persoalan-persoalan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian ini. Fenomena ini hanyalah permukaan yang kelihatan hasil kesan secara langsung daripada suatu isu yang lebih mendasar, yang mana harus difahami secara holistik dan mendalam. Oleh yang demikian, ini menjadikan penyelidikan yang dijalankan adalah relevan, iaitu berkenaan pengaruh fikrah penerbit dan pengaruh institusi media yang melibatkan ekonomi politik terhadap kualiti rancangan TV Islam yang diterbitkan oleh institusi media penyiaran tempatan.

Permasalahan Kajian

Kualiti sesebuah rancangan TV adalah suatu dimensi yang abstrak dan subjektif (Barker, 1987; Megat, 2004). Namun, kualiti mempunyai kaitan yang signifikan dengan kemampuannya untuk menarik perhatian penonton yang ramai (Megat, 2004). Jadi, institusi media penyiaran perlu sedar bahawa penonton kini mempunyai pelbagai pilihan dalam saluran tempatan, serantau dan antarabangsa yang menyebabkan permintaan untuk menonton rancangan TV berkualiti telah meningkat dengan pesat

sehingga memerlukan penerbit menerbitkan rancangan yang jauh lebih baik (Hamisah & Abdul Muati, 2009). Bagi menjadikan sesebuah saluran TV relevan untuk tontonan masyarakat, maka penerbitan dan tayangan rancangan yang berkualiti bukan lagi suatu perkara yang boleh dikompromi. Contohnya inisiatif TV Al Hijrah mewujudkan mesyuarat penilaian rancangan setiap minggu sejak Mei 2016. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk pengurusan kualiti dan menilai impak keseluruhan siaran rancangan bagi menilai semula prestasi rancangan, seterusnya merancang strategi bagi meningkatkan *rating* penonton (Laporan Ketua Audit Negara, 2017).

Namun, laporan terkini daripada Laporan Ketua Audit Negara (2017), terhadap penerbitan rancangan di stesen TV Al Hijrah menyatakan bahawa prestasi keberhasilan rancangan TV masih lagi kurang berkualiti dan kurang menarik. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat kelemahan yang perlu diselidiki dan diperbaiki sehinggakan isu ini masih tidak dapat ditangani. Lebih menyedihkan, apabila isu ini sering dikaitkan secara khusus terhadap rancangan TV Islam. Isu kualiti rancangan TV Islam di Malaysia telah dibincangkan sejak 1991 dalam artikel, *Diffusion of Islamic Message through Television: The Experience of Television Malaysia* oleh Zulkiple (1998). Dalam Zulkiple (1998), kajian Shahnnon & Ellias (1991) mendapati bahawa disebabkan kurang kreativiti diri, penerbit rancangan TV Islam menerbitkan format dan kandungan rancangan yang sama dan kebanyakannya cenderung kepada rancangan yang berupa pengucapan awam, bual bicara dan forum sahaja. Malah, kandungan rancangan terlalu menumpukan kepada perbincangan yang bersifat akademik, menjadikannya hanya sesuai ditonton kumpulan tertentu sahaja. Isu ini secara konsisten turut di ulas oleh penyelidik-penyelidik yang lain yang menyatakan bahawa rancangan TV Islam adalah tidak kreatif, membosankan (Zulkiple, 2006; Ahmad Kamil & Mohd Fauzi, 2011; Ally Iskandar, 2015), terlalu ilmiah, menakutkan, untuk orang tua sahaja, tidak terkini dan terlalu serius (Zulkiple, 1998; Ally Iskandar, 2015).

Isu ini turut mengundang rungutan penonton yang mempersoalkan tayangannya di kaca TV. Contohnya komen oleh Mohamed Khairul dalam akbar Utusan (1 Ogos 2008), yang menyatakan bahawa program keagamaan di kaca TV hanya tangkap muat, tidak memenuhi selera penonton dan tiada tapisan dan pantauan yang serius dari pihak stesen penyiar. Kemuncak keseriusan isu ini, apabila ia turut diulas sendiri oleh Perdana Menteri ke-6, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak ketika perasmian pelancaran stesen TV Al Hijrah (Norfatimah, 2010), menurut beliau:

“Penguasaan umat Islam dalam media pada masa ini masih di tahap minimum dan usaha kurang kreatif menjadikan siarannya kurang menarik perhatian”.

(Berita Harian, 8 Dis 2010)

Jika diteliti terhadap kenyataan Dato' Seri Najib tersebut, terdapat dua elemen yang perlu diberi perhatian terhadap isu ini iaitu penguasaan dalam media dan usaha kurang kreatif yang telah memberi kesan kepada kualiti rancangan TV Islam. Penguasaan dalam media ini melibatkan pengaruh institusi media terhadap kualiti penerbitan rancangan TV Islam. Manakala usaha kurang kreatif adalah melibatkan pengaruh

penerbit itu sendiri yang mempengaruhi diri mereka dalam menerbitkan rancangan TV Islam.

Berdasarkan sorotan kajian yang telah dijalankan, ia banyak menyentuh berkenaan kualiti daripada perspektif kandungan dan persembahan teknikal, tetapi tidak ada kajian secara khusus yang melibatkan pemahaman pengaruh diri penerbit dan pengaruh institusi media itu sendiri terhadap kualiti penerbitan rancangan TV Islam. Jadi, kedua-dua pengaruh ini perlu diambil perhatian serius oleh institusi penyiaran Islam bagi meningkatkan kualiti rancangan TV Islam seperti yang dinyatakan oleh oleh Perdana Menteri ke-6, Dato' Seri Najib di atas. Ini kerana penerbit dan pengurusan stesen TV belum mengambil serius tentang keperluan ini. Malah mereka belum cukup sedar bahawa tuntutan bagi meningkatkan kualiti penerbitan semakin mendesak, yang mana penanda aras klasik kualiti telah beralih arah daripada penilaian kandungan dan genre kepada penerbitan yang memberi kesan dan pengalaman (Megat, 2004). Rancangan TV Islam yang berkualiti adalah sangat penting untuk memberi persepsi kepada penonton berkenaan imej Islam sebagai agama yang mementingkan keindahan luaran dan dalamnya. Ini kerana sensitiviti penonton terhadap genre rancangan yang bercanggah dengan nilai-nilai murni dan kepercayaan Islam merupakan petanda bahawa penonton di Malaysia bukanlah mudah disogok dengan bahan-bahan yang tidak berfaedah dan melalaikan (Wan Mohamad, 2010). Oleh itu, rancangan TV Islam perlu ditingkatkan imej dan kreadibiliti dalam penerbitannya agar mempunyai keseimbangan antara keperluan kualiti persembahan dan juga kualiti kandungannya.

Hakikatnya, produk atau perkhidmatan yang berkualiti bermula dengan melahirkan manusia yang berkualiti (INTAN, 1994). Manusia yang berkualiti dalam konteks kajian ini adalah seorang penerbit yang mempunyai fikrah Islam. Siti Rugayah (2000) menyatakan bahawa penerbit yang memimpin produksi perlu mendalami syariat Islam terlebih dahulu agar mesej yang disampaikan itu bertepatan dengan kehendak Islam. Pandangan hidup berfikrah Islam mempunyai kerangka pemikiran yang tepat dalam memifestasi menerbitkan rancangan TV Islam yang berkualiti. Ini kerana menurut Musa dan Narimah (1998), peranan penerbit mestilah bertitik tolak daripada prinsip *al-amru bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* (menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran). Perkara ini menjadi tanggungjawab penerbit yang juga berperanan sebagai khalifah dan dai secara langsung. Ini kerana, tujuan tertinggi hubungan dengan Allah adalah untuk membentuk taqwa, iaitu sifat yang sentiasa menguasai perilaku individu sepanjang masa. Islam bukan hanya amalan tetapi merupakan penghayatan dari segi pemikiran dan perlakuan. Ia diterjemah di dalam kehidupan seseorang yang menepati fikrah Islam yang bertanggungjawab menyeru kepada kebaikan. Diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Sebaik-baik manusia ialah yang paling bermanfaat kepada manusia yang lain.

Seorang penerbit yang mempunyai fikrah yang mantap dalam diri akan menjadikan penerbitan rancangan TV sebagai suatu ibadah yang meletakkan keutamaan kepada Allah berbanding penilaian manusia. Ini menunjukkan bahawa pengaruh fikrah memberi kesan signifikan terhadap kualiti rancangan TV Islam yang mana Raines (2009) berpendapat penerbit adalah dianggap kuasa kreatif paling utama dalam sebuah penerbitan.

Selain pengaruh penerbit, kualiti sesebuah rancangan TV juga adalah manifestasi sosio budaya dan hasil ekonomi politik yang dipengaruhi oleh dasar pemilik institusi stesen TV, kawalan politik kerajaan (Ziauddin & Borin, 2008; Wahab, 2011), kekuatan ekonomi (Hasan & Satria, 2009) dan budaya kerja organisasi (Ziauddin & Borin, 2008; Hasan & Satria, 2009). Dalam sebuah sistem ekonomi, stesen TV akan mempraktikkan keperluan untuk memaksimumkan keuntungan dan mengurangkan kos dalam setiap operasinya. Menurut Mosco (2009), konsep ekonomi politik merupakan cara pandang yang dapat membongkar dasar terhadap sesuatu masalah yang kelihatan pada permukaan. Berdasarkan perspektif penyelidikan ini, permasalahan yang mencetuskan penyelidikan adalah kualiti rancangan TV Islam yang rendah yang mana antara faktor terbesar adalah dipengaruhi oleh faktor institusi itu sendiri. Dalam artikel "*On the Political Economy of Communications*", Smythe (1960) mendefinisikan tujuan utama kajian ekonomi politik komunikasi adalah untuk menilai kesan institusi media dari segi dasar yang mereka urus dan kendalikan. Tambahan pula, kebanyakan ahli ekonomi politik berhujah bahawa institusi media di dalam sistem ini adalah merupakan produk sosial berorientasikan perindustrian yang didorong oleh motif keuntungan, yang akan mengatasi pertimbangan berkenaan kualiti, maklumbalas, kecenderungan khalayak dan keinginan khalayak (Gandy, 1992; Croteau & Hoynes, 2003; Ott & Mack, 2010; Cynara, 2011). Oleh itu, semua ini harus dirungkai dan dijawab satu persatu kerana keseluruhan isu dan cabaran ini mempunyai hubungan yang sangat signifikan dengan pengaruh ekonomi politik institusi dalam industri TV.

Jadi, penerbitan rancangan TV Islam yang berkualiti perlu dipertingkatkan dan dipergiatkan bagi memenuhi kehendak kepelbagaian penonton. Justeru, melalui penyelidikan ini, kemelut berkenaan kualiti rancangan TV tidak akan terungkai tanpa memahami pengaruh fikrah penerbit dan pengaruh institusi media penyiaran yang berasaskan kepentingan ekonomi politik. Berdasarkan permasalahan tersebut adalah wajar untuk penyelidikan ini dilakukan untuk mendapatkan penjelasan yang mendalam berkenaan fenomena ini. Malah, masih tiada kajian yang seumpama ini mendalami topik atau dibincangkan secara spesifik isu ini di Malaysia. Kajian terhampir berkenaan kualiti rancangan TV Malaysia yang pernah dijalankan adalah bertajuk *Political Economy of Malaysian Documentary Productions* oleh Megat (2004) sebagai kajian peringkat PhD di University of Cardiff Wales, United Kingdom.

Oleh itu, antara kepentingan untuk penyelidik menjalankan kajian ini adalah kerana kerajaan berhasrat agar penonton bukan sahaja menonton TV yang berkualiti siarannya malah dipersembahkan juga pelbagai rancangan TV berkualiti kandungannya, yang mana perjuangan industri penyiaran tetap ke arah menjadi

platform penyebaran maklumat terhadap dasar dan jentera pemerintah sambil menjadi wadah pembinaan ketamadunan bangsa menerusi kearifan tempatan menerusi Dasar Industri Kreatif Negara (2011) (Mohamad Md Yusoff, 2015). Ini kerana kerajaan berhasrat mensasarkan untuk Malaysia menjadi Hub *Content Creation* (2019) bagi penonton komuniti Islam di dunia dan rantau Asia Pasifik dengan penawaran kandungan media elektronik yang berkualiti, hebat lagi bersifat universal. Jelas ini menunjukkan bahawa, penerbitan rancangan TV yang berkualiti merupakan agenda kerajaan yang mana agensi-agensi kerajaan telah digembeleng serta diwujudkan dasar-dasar baru bagi merealisasikannya.

Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian dalam penerbitan rancangan TV Islam yang berkualiti di saluran TV Malaysia, beberapa persoalan ditimbulkan oleh kajian ini untuk diberi jawapan iaitu:

1. Adakah fikrah penerbit mempengaruhi kualiti rancangan TV Islam yang diterbitkan?
2. Bagaimanakah institusi media mempengaruhi penerbitan rancangan TV Islam?
3. Bagaimanakah konsep kualiti pada perspektif penerbitan rancangan TV Islam?

Objektif

Berdasarkan persoalan kajian, secara umumnya kajian ini bertujuan untuk memahami fenomena yang mempengaruhi kualiti rancangan TV Islam daripada perspektif fikrah penerbit dan institusi media itu sendiri. Manakala objektif khusus bagi kajian ini ialah:

1. Untuk mengetahui pengaruh fikrah penerbit terhadap kualiti rancangan TV Islam yang diterbitkan.
2. Untuk mengenalpasti pengaruh institusi media terhadap penerbitan rancangan TV Islam.
3. Untuk menganalisis konsep kualiti pada perspektif penerbitan rancangan TV Islam.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan adalah sebagai suatu sumbangan kepada pemahaman terkini terhadap dimensi konsep kualiti dalam perspektif rancangan TV Islam. Kajian ini mempunyai kepentingan terhadap penambahbaikan teori, terhadap dasar-dasar kerajaan dan terhadap industri penyiaran. Secara khusus, hasil kajian akan memberi sumbangan kepada kefahaman yang lebih mendalam terhadap rasional kepentingan

kualiti sesebuah rancangan TV Islam. Ini kerana hasil daripada kajian ini akan memberi sumbangan terhadap semua institusi yang terlibat dengan media penyiaran secara umum dan secara khususnya kepada pengurusan stesen TV, pengamal media, penerbit rancangan TV, pekerja industri media, ahli akademik, pembuat polisi dan pelajar yang mengambil jurusan komunikasi dan penyiaran dalam memastikan penerbitan TV Islam yang berkualiti. Di samping itu, berdasarkan hasil kajian, ia mampu memberikan beberapa cadangan kepada penyelesaian isu kualiti dalam penerbitan rancangan TV Islam agar produk ini mampu menjadi wadah pendidikan dan dakwah yang efektif malah menyumbang kepada pendapatan institusi media penyiaran.

Keputusan Terhadap Penambahbaikan Teori

Kajian terdahulu yang berkaitan rancangan TV Islam hanya menyentuh berkenaan kandungan rancangan, penjadualan dan peranan rancangan TV Islam terhadap dakwah dan pendidikan. Walau bagaimanapun tiada kajian terdahulu menyentuh berkenaan pengaruh penerbit dan institusi stesen TV terhadap kualiti rancangan TV Islam itu sendiri. Oleh yang demikian, kajian ini berpotensi membuka lingkungan baru dalam kajian berkaitan penerbitan rancangan TV Islam dengan membincangkannya secara empirikal dalam konteks pengaruh fikrah dan pengaruh ekonomi politik institusi. Secara teoritikal, kajian ini menyumbang kepada pengetahuan sedia ada dalam bidang penyiaran dengan mengaitkannya dengan pengaruh fikrah dan ekonomi politik institusi dalam menentukan pentafsiran kualiti rancangan TV.

Kajian ini juga menggunakan Teori Auteur dan melihatnya dari sisi pandangan Islam dengan mengaitkannya dengan penghasilan rancangan TV Islam berdasarkan pengaruh fikrah penerbit yang menyuntik elemen kualiti dalam penerbitan tersebut. Secara tidak langsung kajian ini menggabungkan ilmu sains sosial, komunikasi dan teori dengan ilmu tasawuf Islam. Gabungan ilmu ini adalah berdasarkan teori, konsep-konsep yang diutarakan oleh sarjana dengan mengambil pendekatan daripada ayat al-Quran dan sunah kerana ia juga mengandungi prinsip sains sosial yang dikaitkan dengan ilmu ketuhanan iaitu kepada paradigma tauhid yang mengagungkan Allah (Yahaya & Azhar, 2010). Dalam menggabungkan ilmu sains sosial dan ilmu Islam ini, Yahaya dan Azhar (2010) menjelaskan lagi bahawa sesuatu pendapat boleh diterima jika tidak bertentangan dengan al-Quran dan sunah dan pendapat ini disokong oleh Alias Azhar (2010) yang menyatakan bahawa ketamadunan Islam berpaksikan peradaban keilmuan Islam, dalam masa yang sama turut mengadaptasi dan mengasimilasi ilmu daripada ketamadunan asing yang tidak bercanggah dengannya.

Selain itu, kajian ini menggunakan kerangka teori ekonomi politik media untuk mengkaji isu kualiti penerbitan rancangan TV Islam berdasarkan pembahagian kepada komodifikasi, spatialisasi dan strukturisasi. Pembahagian pengaruh ini membolehkan penyelidik mengungkap pengaruh institusi terhadap kualiti penerbitan rancangan TV Islam dari segi perubahan struktur, pendapatan, sumber daya dan kuasa korporatnya dalam jangka masa tertentu (Mosco, 1996) dalam situasi penerbitan rancangan TV yang berteraskan dakwah dan pendidikan. Berdasarkan teori ini, ia memberi

pengetahuan baru kajian mengenai hubungan kerajaan sebagai pembuat polisi dengan institusi media daripada perspektif politik dan ekonomi dalam mengembangkan industri media (Mosco, 1996). Jadi, kajian ini berkepentingan dalam membongkar dalam mengetahui pengaruh ekonomi politik ini terhadap pembangunan dan perkembangan penerbitan rancangan TV Islam yang lebih berkualiti di Malaysia.

Kepentingan Terhadap Industri Penyiaran

Penyelidikan kualiti rancangan TV Islam menyumbang kepada pembangunan program, identiti, sosio budaya dan ekonomi. Konteks kajian ini yang berkaitan kualiti boleh dihubungkan dengan kajian-kajian lepas yang menjadikan kajian ini relevan untuk diaplikasikan dalam industri. Jadi, dapatan kajian ini mampu digunakan sebagai asas dalam menghasilkan penerbitan rancangan TV Islam yang berkualiti pada masa akan datang. Kepentingan kajian ini secara praktis berpotensi dalam menyerlahkan penerbitan rancangan TV Islam terutama dalam mendapatkan *rating* yang tinggi dengan penerbitan rancangan yang berkualiti. Secara khusus, kajian ini dapat membantu institusi stesen TV Islam sebagai peneraju penerbitan rancangan TV Islam yang berkualiti yang mana ia sebagai panduan dalam merancang penerbitan rancangan TV Islam yang berkualiti berdasarkan dapatan kajian ini. Kajian ini dapat membantu usaha pihak institusi stesen TV dalam membimbing penerbit dan menyediakan pengetahuan baru kepada penerbit selari dengan misi dan visi institusi. Ini akan memberi kefahaman kajian ini terhadap penerbitan rancangan TV yang berkualiti berdasarkan pengalaman penerbit dan pengurusan stesen TV. Pada masa yang sama kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang berminat untuk menambah pengetahuan dan kefahaman terhadap keupayaan penerbitan rancangan TV Islam yang berkualiti.

Hasil daripada kajian ini dapat digunakan oleh pengurusan institusi media penyiaran dalam memahami bahawa terdapat rasional pengaruh ekonomi politik media terhadap institusi dan fikrah penerbit terhadap kualiti rancangan TV Islam seterusnya mempengaruhi *rating* sesebuah rancangan. Memahami fenomena ini membolehkan sesebuah institusi media penyiaran merancang strategi secara berkesan dalam meningkatkan *rating* penonton. Contohnya saluran televisyen seperti an-Najd di Arab Saudi yang menerbitkan rancangan TV Islam yang berkualiti serta tidak membosankan (Ahmad Kamil Jamilin, Mohd Fauzi Mohd Amin, 2011) seterusnya mampu dijual ke luar negara. Ini kerana kajian ini turut memberi panduan kepada institusi penyiaran TV dipelbagai peringkat pengurusan dalam membantu dalam meningkatkan kualiti rancangan TV Islam sebagai suatu produk yang mempunyai potensi ekonomi yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi diperingkat antarabangsa.

Ini kerana sebuah rancangan TV Islam yang berkualiti bukan hanya memberi manfaat kepada penonton daripada mesej dakwah dan pendidikan diterima, tetapi juga merupakan suatu sumber ekonomi negara yang bernilai tinggi. Pasaran produk ini sangat berpotensi dan luas, selain daripada negara Islam serantau seperti Brunei dan Indonesia, terdapat 57 buah negara Islam yang merupakan negara OIC (Pertubuhan Negara Islam) sebagai pasaran produk. Malah menurut statistik Pew Research Center

(2015), 1.8 billion manusia yang merupakan 24% dari jumlah penduduk dunia adalah merupakan muslim yang bertebaran termasuk di Eropah dan Amerika yang merupakan pasaran besar. Malah potensi pasaran rancangan TV Islam sehingga 2060, Islam merupakan agama yang paling pantas berkembang dengan jangkaan peningkatan lebih 70% sejak 2015 (Michael Lipka, 2017). Jadi tiada alasan untuk menafikan bahawa tiada kepentingan untuk menerbitkan rancangan TV Islam yang berkualiti sedangkan ia memberi pulangan pelaburan yang besar daripada pelbagai sudut pada peringkat antarabangsa dan jangka masa panjang.

Kepentingan Terhadap Dasar-Dasar Kerajaan

Pengurusan dan pembangunan pengetahuan Islam yang dinamik dalam melahirkan masyarakat yang mempunyai tahap pengetahuan Islam yang mantap melalui pelbagai medium akan menyumbang kepada agenda sosial masyarakat yang bertamadun untuk masa depan negara. Elemen dakwah dan pendidikan yang diterapkan dalam penerbitan rancangan TV Islam meletakkan rancangan ini ke suatu tahap yang berbeza daripada rancangan TV konvensional kerana mempunyai tahap pendayaupayaan untuk meningkatkan moral dan kualiti hidup sosio budaya masyarakat.

Secara tidak langsung, kajian ini dapat memberi sokongan keberkesanan pembelajaran yang sepatutnya berlaku dalam pembelajaran Islam secara formal. Ini dapat menyokong Dasar Pendidikan Kebangsaan (1979) dalam memastikan kejayaan hasrat transformasi pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Dalam masa yang sama ia juga mampu menyokong Dasar Sosial Negara (2003) dalam meningkatkan potensi pengetahuan Islam dalam diri kanak-kanak, remaja dan seluruh anggota masyarakat melalui pembentukan tingkahlaku, sosial dan emosi yang seimbang. Ini kerana hasil kajian ini turut memberi panduan kepada pihak berkepentingan seperti institusi pendidikan, agensi kerajaan, organisasi korporat, badan bukan kerajaan dan organisasi sosial bagi mengenalpasti potensi rancangan TV Islam sebagai medium dakwah dan pendidikan.

Skop Kajian

Kajian ini memilih lima buah saluran TV yang menyiarkan rancangan TV Islam iaitu RTM1 yang mewakili saluran penyiaran kerajaan teresterial, TV3 dan TV9 yang merupakan stesen TV teresterial swasta iaitu Media Prima, Astro Oasis yang mewakili stesen TV satelit swasta Astro dan TV Al-Hijrah stesen TV teresterial yang mewakili agensi agama Islam kerajaan.

Selain itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada isu pengaruh fikrah dan institusi media penyiaran terhadap kualiti rancangan TV Islam terbitan tempatan. Situasi polemik pengkategorian ini cuba dielak oleh penyelidik agar fokus kajian lebih jelas. Dalam kajian ini, genre rancangan TV Islam yang menjadi subjek kajian adalah terdiri daripada kategori rancangan TV pendidikan yang bergenre bual bicara, forum, realiti TV, ceramah, dokumentari dan majalah. Pemilihan adalah tidak termasuk genre berita,

soap drama, sitcom, sukan, drama bersiri, telemovie dan animasi. Pemilihan ini dilakukan kerana genre tersebut berkemungkinan mempunyai tafsiran tidak patuh syariah atau hanya representasi Islam. Penentuan skop dan kefahaman takrifan ini bagi mengelakkan isu-isu kesahan dan kebolehpercayaan kajian serta memudahkan penyelidikan dijalankan dengan skop yang lebih fokus.

Informan dalam kalangan penerbit yang dipilih untuk sesi temubual secara mendalam adalah merupakan penerbit rancangan TV Islam yang telah disiarkan dalam stesen TV yang terpilih. Produksi ini diterbitkan oleh stesen TV itu sendiri atau diterbitkan oleh *production house*. Manakala pengurusan stesen TV yang menjadi informan kajian ini adalah merupakan pegawai kanan stesen TV yang merupakan individu yang terlibat secara langsung dengan penerbitan rancangan TV Islam. Bagi meningkatkan lagi kefahaman berkenaan fenomena kajian, personaliti TV Islam yang terlibat secara langsung dan mempunyai pengalaman lebih daripada 3 tahun sahaja dipilih sebagai informan kajian. Begitu juga daripada analisis transkripsi kualitatif, hanya tema yang terdiri daripada konstruk kajian sahaja dipilih secara langsung untuk diteliti dan dianalisis.

Takrifan Konsep

Bahagian ini merupakan penjelasan secara ringkas konsep-konsep yang merupakan takrif konseptual kendalian konstruk kepada kajian ini. Konstruk adalah merupakan kata kunci yang menjadi tujuan dalam kajian. Ia merupakan asas kepada idea yang membentuk pelbagai elemen konseptual yang mencetuskan penyelidikan. Antara konstruk yang dibincangkan ialah fikrah, institusi media penyiaran, ekonomi politik media, kualiti rancangan TV Islam, dan penerbit rancangan. Selain itu konsep-konsep lain yang akan dibincangkan dan dikaitkan dengan konsep utama ialah rancangan TV Islam. Semua konstruk-konstruk kajian ini merupakan elemen penting dalam industri penerbitan rancangan TV yang merupakan fenomenologi yang membawa kepada persoalan-persoalan kajian.

Rancangan TV Islam

Rancangan TV Islam merupakan rancangan TV agama. Menurut Ofcom (2009) rancangan TV agama adalah rancangan TV yang berurusan dengan perkara-perkara agama yang menjadi subjek utama, atau merupakan kandungan utama rancangan. Ia juga merupakan rancangan TV yang menjadikan agama atau penganut agama sebagai subjek, atau kandungan dalam rancangan TV tersebut yang mana identiti agama dan penganut jelas ditonjolkan kepada penonton. Prinsip-prinsip ini sangat penting untuk didefinisikan kerana rancangan TV Islam dan keagamaan adalah bersifat autoritatif yang mana kandungannya diiktiraf, diakui dan diterima sebagai benar dan dipercayai untuk dijadikan pegangan oleh individu yang menontonnya. Secara spesifik rancangan TV Islam merupakan produk kreatif yang menjunjung nilai-nilai Islam yang syumul. Dengan kata lain, ia bertunjangkan kepada Al-Quran dan Sunah dalam segala sudut iaitu dari segi persembahan, kandungan rancangan, penerbitan, penyiaran rancangan, budaya penerbitan, malahan manusia di dalamnya juga kaya dengan fikrah dan nilai-

nilai Islam. Daripada sudut teknikal dan persembahan, rancangan TV telah dikategorikan dalam pelbagai genre seperti yang dinyatakan oleh Mazni & Rizalawati (2012). Dalam pengkategorian rancangan TV Islam pula, ia berbeza dari genre rancangan TV konvensional kerana mempunyai kawasan kelabu (*grey area*) yang tidak dapat dielakkan dalam mengkategorikannya (Caitriona, 2008). Oleh itu, takrif konseptual kendalian (*operational conceptual*) kajian bagi mengekalkan kebolehpercayaan dan kesahan kajian, rancangan TV Islam yang menjadi subjek kajian hanyalah terdiri daripada kategori rancangan TV pendidikan yang bergenre bual bicara, forum, realiti TV, ceramah, dokumentari dan majalah.

Fikrah (فكرة)

Ia merupakan istilah arab dengan kata asas al-fikr (فكرة). Menurut kamus Al Mu'jam Al Arabi Al Asasi (2003), ia memberi maksud secara mendalam bahawa fikrah adalah ideologi yang merupakan gambaran pemikiran seseorang tentang sesuatu perkara yang mana merupakan sesuatu pandangan yang berlegar dalam benak pemikirannya. Manakala Kamus Dewan (2007), mentakrifkan fikrah merupakan daya berfikir atau pemikiran seseorang yang mempunyai hubungan atau pengaruh daripada realiti sosial dan politik. Secara asasnya, fikrah merupakan perlakuan seseorang yang diterjemahkan daripada cara berfikir yang mana setiap cara berfikir adalah dipandu daripada prinsip yang akan menentukan tingkahlaku (Abdul Hamid 2011). Ia merupakan pandangan hidup (*worldview*) setiap individu dan cara berfikir yang dominan. Jadi, fikrah adalah kecenderungan pemikiran seseorang individu terhadap suatu perkara yang di dalamnya terkandung jelas sebuah konsep yang dimanifestasikan dalam kehidupan yang menentukan seluruh cita rasa, cara fikir, sikap, nilai, prinsip-prinsip agama, serta seluruh hubungan sosial politik, yang dilandasi keintelektualan dan moral seseorang.

Institusi Media Penyiaran

Secara umumnya, institusi adalah sistem berstruktur tetap yang diorganisasikan oleh suatu komuniti yang merupakan sumber utama kod sosial, peraturan dan hubungan, yang memaksa dan mengawal individu serta sikap mereka berdasarkan prinsip-prinsip dan nilai teras yang ditekankan mengikut amalan budaya dan sosial yang disarankan serta diselaraskan (O'Sullivan et. al, 1994; Gill Branston & Roy Stafford, 2003; Abdul Piro, 2009). Dengan kata lain, institusi media merupakan satu sistem pendidikan yang mana khalayak mempelajari sesuatu yang baharu, sama ada yang diketahui atau belum diketahui (Norhuda, 2016). Institusi media adalah berkaitan dengan aspek penubuhan institusi itu sendiri. Dalam aspek ini, ia melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan struktur organisasi, kerjasama, motivasi, dan profesionalisme. Walaupun begitu, institusi media adalah kompleks kerana ia dipengaruhi institusi politik, ekonomi dan budaya. Jadi, institusi media tidak dapat lari daripada ekonomi pasaran yang berasaskan permintaan dan penawaran, hubungan politik, tanggungjawab sosial dan ekonomi. Ini menjadikan institusi media merupakan sumber komunikasi massa yang kompleks dan beroperasi dalam institusi yang berasaskan keuntungan yang mempunyai khalayaknya yang ramai, berbeza lokasi, ruang, masa, keinginan, minat

dan keperluan yang dihubungkan oleh medium teknologi komunikasi (Dominick, 2002).

Ekonomi politik media

Ekonomi moden berkisar tentang keseimbangan pasaran antara permintaan dan penawaran, tetapi disiplin ekonomi politik pula melangkaui aspek tersebut kerana ia merupakan suatu disiplin intergrasi sistem pemerintahan kerajaan dengan kepentingan keseimbangan pasaran terhadap sosio budaya masyarakat. Ia merupakan suatu hubungan simbiosis antara keperluan ekonomi pasaran dan kepentingan politik yang dikawal oleh kerajaan yang bergantung kepada realiti masyarakat dalam hubungan yang saling bergantung dan saling mempengaruhi. Kebanyakan ahli ekonomi politik berhujah bahawa, di bawah sistem ini, produk sosial seperti media adalah perindustrian yang didorong oleh motif keuntungan, yang akan mengatasi pertimbangan berkenaan kualiti, maklumbalas, kecenderungan khalayak dan keinginan khalayak (Gandy, 1992; Croteau & Hoynes, 2003; Ott & Mack, 2010; Cynara, 2011). Secara dasarnya, sistem ekonomi politik tercipta untuk menjalinkan hubungan yang ideal antara kerajaan dan pasaran, juga di antara kebebasan dan kesaksamaan (Patrick 2012). Jadi, dalam dimensi ekonomi politik media, institusi media dan kerajaan saling bekerjasama bagi mencapai kepentingan dan objektif berbeza, yang mana sebelah pihak bermotifkan komersial dan keuntungan, manakala di pihak kerajaan mempunyai motif pengaruh dan kuasa. Jadi, produksi TV sebenarnya dihasilkan oleh institusi televisyen yang berdwi-motif, iaitu menjana keuntungan dan mengembangkan pengaruh (Fuziah, 2009). Dalam konteks penyelidikan ini di Malaysia adalah unik kerana melaksanakan sistem ekonomi campuran yang merupakan satu sistem ekonomi hasil daripada penyesuaian atas kepentingan ekonomi politik di antara sistem kapitalis dan sistem sosialis (marxisme). Melalui sistem ini, kerajaan dan pihak swasta bekerjasama untuk membentuk satu sistem pasaran, yang mana dasar-dasar kerajaan digubal secara menyeluruh untuk kepentingan antara kehendak politik dan kehendak ekonomi. Dalam hubungan ini, pihak kerajaan merupakan pihak yang dominan dalam mengawal keseluruhan sistem media dalam negara melalui polisi dan peraturan, malah setiap institusi media tertakluk dengan kepentingan kerajaan. Jadi rancangan TV Islam yang diterbitkan juga turut dipengaruhi oleh kepentingan institusi media itu sendiri dalam konteks ekonomi politik demi keuntungan perniagaan dan kelangsungan kewujudan institusi.

Kualiti Rancangan TV

Ia merujuk kepada penilaian kemampuan penerbit mengembang dan menganalisis idea sehingga berupaya menjadikan program yang diterbitkan memberi mesej yang berkesan. Kualiti sesebuah rancangan TV merangkumi kreativiti persembahan, kesesuaian kandungan dan kreativiti penyampaian. Ketinggian kualiti bergantung kepada fakta dan kemampuan penerbit untuk menyampaikan idea tersebut secara kreatif dengan meninggalkan kesan kedalaman makna terhadap sesuatu idea. Menurut Meurs, Vos, & Putte, (2006) dimensi konsep kualiti sesebuah rancangan TV ialah yang mempunyai apresiasi, menarik perhatian, menghormati orang lain, tidak

membosankan, persembahan yang baik, santai, suasana yang menyenangkan, dan dibuat dengan baik. Menurut Asiah Sarji et al (2009), kriteria asas yang perlu diberi perhatian ialah ia boleh menarik perhatian khalayak (*attention*), karya ini difahami (*understand*) dan kemampuan peringkat kefahaman ini ditingkatkan ke peringkat penghayatan sehingga apabila rancangan tamat ditonton, ia boleh meningkatkan kesan makna kepada khalayak serta mempunyai daya tarikan yang boleh dikekalkan (*retention*).

Penerbit Rancangan

Merupakan individu yang mengetuai dalam penerbitan sesebuah rancangan TV yang bertindak sebagai pemberi idea dan menterjemahkan idea kepada sebuah produksi rancangan TV. Dalam penerbitan, peranan penerbit adalah sebagai seorang pengarah (*auteur*), juruteknik dan juruperagaan (*stylish*) (Cohen, 2004). Penerbit juga adalah individu yang bertanggungjawab dalam menentukan hala tuju sesebuah penerbitan yang dihasilkan yang mana bergantung kepada tiga elemen dalam diri penerbit iaitu pengetahuan teknikal, gaya peribadi dan nilai dalaman (Sarris, 1962). Semua elemen ini digarap bersama dan diterjemahkan dalam penerbitan rancangan TV yang dihasilkan. Secara ringkas, tanggungjawab yang dipikul penerbit adalah untuk menyetengahkan maklumat yang diharapkan sentiasa menerbitkan rancangan TV yang berkualiti dan memberi manfaat kepada penonton dan pembangunan negara (Megat Al Imran, 2004).

Kata Kunci

Penyiaran Islam, Fikrah Penerbit, Institusi Penyiaran, Rancangan TV Islam dan Ekonomi Politik Media.

Rumusan

Penerbitan rancangan TV Islam yang berkualiti adalah perlu mengambilkira pengaruh fikrah diri penerbit dan pengaruh institusi media itu sendiri berlandaskan dasar kerajaan yang melibatkan kepentingan ekonomi politik dan sosial masyarakat. Ini kerana penerbitan rancangan yang berkualiti bukan hanya kepada aspek kreativiti persembahan tetapi genre ini turut menekankan aspek kualiti kandungan rancangan yang merupakan teras utama kepada kualiti rancangan TV Islam. Bagi memastikan semua elemen-elemen ini diambilkira dalam penerbitan sebuah rancangan TV Islam, maka fikrah seorang penerbit yang berprinsip dan berketrampilan haruslah mampu mengadaptasi konsep kualiti dalam setiap hasil produksi. Selain itu, institusi media itu sendiri yang berpandukan kepada dasar dan hala tuju memberi pengaruh yang besar terhadap penerbitan rancangan. Justeru, kajian ini cuba untuk merungkaikan fenomenologi yang berlaku terhadap kualiti rancangan TV Islam yang diterbitkan di bawah pengaruh fikrah penerbit dan institusi media itu sendiri secara mendalam.

RUJUKAN

- Abdullah Bukhari & Abdul Rahim Al-Hafiz. (2009) *TV JAKIM Saluran Berdakwah*. 30 April 2009. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0430&pub=Utusan_Malaysia&sec=Forum&pg=fo_01.htm#ixzz46M3NN7DW. Dilayari pada 11 Jun 2016
- Abd. Aziz Itar. (2010). *Cabaran TV Islam*. 23 November 2010. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1123&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_06.htm#ixzz46M2Ii923. Dilayari pada 11 Jun 2016.
- Abdul Hamid Abu Sulayman. (2011). *The Qur'anic Worldview: A Springboard for Cultural Reform*. International Institute of Islamic Thought, Herndon.
- Abdul Hamid, A. F. (2006). The UMNO-PAS struggle: Analysis of PAS's defeat in 2004. In S. S. Hock & K. Kesavapany (Eds.), *Malaysia: Recent trends and challenges*. (pp.100-131). Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Abdul Kadir Jasin dan Abu Bakar Abdul Majeed, (2002) "Paving the Way for Practical Solutions: The Malaysian Experience," in *Enhancing the Understanding of Islam for the Media*, eds. Anuar Ab. Razak and Abu Bakar Abdul Majeed. Institute of Islamic Understanding Malaysia, Kuala Lumpur
- Abdul Pirol (2009). *Institusi Media Massa Dan Pengaruhnya Terhadap Masyarakat*. Al-Tajdid, Vol. I/Maret 9-18
- Abdul Rahman Hamid. (2007). *Tatacara Peraturan (Self Regulation Code) Stesen TV Demi Kebaikan Penonton*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pemerkasaan Televisyen dan Peralatan Komunikasi Sebagai Saluran Berkesan Dalam Mendidik Masyarakat. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur. 20-21 Mac 2007. Yunus Said (2007)
- Abdul Rahman Abdul Rahim. (2005, April 1). *Televisyen Islam Mungkin Ada Buruknya*. *Utusan Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Abdul Rahman Mahmood et.al. (2009). *Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi di Malaysia*, Jurnal Hadhari, 2, hlm. 39.
- Abdul Razak Abd Muthalib, Ezry Fahmy E. Y. (2011). Penerimaan Dan Penyampaian Maklumat Media Dari Perspektif Islam. In N. A. R. Muhammad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad (Ed.), *Representasi Islam Dalam Media* (1st ed., pp. 27-40). Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM, Nilai
- Abu Abdullah Hanafi Dollah (2006) *Kamus Al-Khalil, Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab*. IIUM Press, Gombak

- Adams-Bloom, T., & Cleary, J. (2009). *Staking a Claim for Social Responsibility: An Argument for the Dual Responsibility Model. The International Journal on Media Management*, 11, 1–8.
- Ahmad Kamil Jamilin, Mohd Fauzi Mohd Amin, M. S. H. (2011). Matlamat Dan Prinsip Media Islam. In N. A. R. Muhammad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad (Ed.), *Representasi Islam Dalam Media* (1st ed., pp. 13–26). Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM, Nilai
- Alias Azhar (2010). Faktor Pembangunan dan Kemunduran Pengajian Sains Islam Silam. *Jurnal Hadhari* (3): 43-59.
- Al-Attas S.M.N (2011). *Islam dan Sekularisme*. Cetakan kedua Bahasa Indonesia. Institut Pemikiran Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Bandung.
- Alifah Zainudin. (15 Ogos 2017). *Poor Run Continues For Media Prima, Utusan Melayu*. Dicapai pada 21 Jun 2018 dari <https://themalaysianreserve.com/2017/08/15/poor-run-continues-for-media-prima-utusan-melayu/>
- Al Mu'jam Al Arabi Al Asasi (2003) Ahmad al Abid, Departemen Agama RI. al Abid, Ahmad Mukhtar Ahmad Yahya, al Jailani. *Munadhamah al Arabiyah al Tsaqofah wa al ulum*.
- Al-Qamus al-Muhith (2005). Al-Mu'jain al-Wasith. Ibrahim Mustapha, Ahmed Hasan Zayyat, Hamid Abdul Qadir & Muhammad Ali Najjar Maktaba al-Islamiyya. Beirut, Lebanon.
- Amran Muhammad. (2016, April 1). *Akidah dan Pemikiran Islam Abad ke-21*. Utusan Malaysia, Kuala Lumpur
- Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. (1982). *A history of Malaysia*. London: Macmillan Press Ltd.
- Anji Doshi Gandhi (2016). *Penemuan KPKM-5: Isu-Isu Kekeluargaan Dan Sosial*. Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). <http://familyrepository.lppkn.gov.my/581/1/Penemuan%20KPKM-5%20Isu-isu%20Kekeluargaan%20dan%20Sosial.pdf>
- Ashadi Siregar (2006) *Media Penyiaran Publik: Catatan Ringkas*. Makalah untuk Forum Diskusi Publik Kebijakan Pengembangan TVRI sebagai TV Publik, Dewan Pengawas TVRI, Jakarta. 20 Desember 2006
- Asiah Sarji (1991). *Penyiaran dan Masyarakat, Isu-Isu Perutusan di Malaysia - Arah dan Masalah: Satu Kumpulan Esei*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Asiah Sarji, Faridah Ibrahim, Shamsubaridah Ramlee (2009). *Industri Dokumentari Di Malaysia: Isu dan Halatuju*. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Ampang

- Asiah Sarji & Nur Kareelawati Abd Karim (2011). *Kajian Filem Arahkan Pengarah Muda Sebagai Saluran Dakwah Di Malaysia*. Representasi Islam Dalam Media. USIM: Nilai
- Awang Sariyan (2016). *Asas Falsafah dan Pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur.
- Awang Sariyan (2010). *Asas Falsafah dan Pemikiran Melayu Berteraskan Islam*. IKDAS & ABIM, Kuala Lumpur.
- Azmah Ab Wahab & Samsudin A. Rahim (2013) *Kredibiliti Media Dan Penyertaan Dalam Persekitaran Pengdemokrasian Maklumat Di Malaysia*. Jurnal Komunikasi. Malaysian Journal of Communication. Jilid 29(1) 2013: 141-160
- Azizah Hamzah (2010) *Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya*. Jurnal Pengajian Media Malaysia, 6(1) : 1-12.
- Azizan Bahari (1998). *Modenisasi: Implikasi Dan Cabaran Kepada Belia*. Dlm. Azimi Hamzah & Turiman Suandi. Pengukuhan Sinergi Belia dan Negara. Aslita Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
- Azizul Halim Yahya (2006). *Political Economy of The Mass Media in Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA: Shah Alam
- Badriyah Salleh (2012). *Sejarah Keagungan Bangsa Melayu. Minda Melayu Global*. Penyusun; Mohd Yusof Hasan. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim, Perak.
- Bernadette Casey, Neil Casey, Ben Calvert, Liam French & Justin Lewis (2008). *Television Studies, The Key Concepts*. (2nd ed). Routledge, New York
- Berita Harian (2009) *Rancangan JAKIM TV Bermula Julai*. 15 April 2009. <http://www.bharian.com.my>
- Berita Harian (2009) *Yusof Pengerusi Stesen TV Islam*. 13 Oktober 2009. http://www2.bharian.com.my/Current_News/BH/Tuesday/Nasional/20091013094051/Article/index_html
- Berita Harian (1963) *Talivision: Menteri Muda Ingatkan Tentang Budaya Asing*. Halaman 3. 19 Nov 1963. <http://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/beritaharian19631119-1.2.30>
- Bogdan, R.C., & Biklen, S.K. (1992) *Qualitative Research For Education*. Allyn & Bacon, United States of America.
- Branston, Gill dan Roy Stafford. (2003) *The Media Student's Book*. Edisi III; Routledge, London.

- Bruce R. Scott (2006) *The Political Economy of Capitalism*. Chapter 2, Capitalism, Democracy and Development, June 27, 2006. <http://www.hbs.edu/faculty/Publication%20Files/07-037.pdf>
- Bryant, B. J., & Miron, D. (2004). *Theory and Research in Mass Communication*, (December), 662–704.
- Caitriona Noonan (2008). *The Production of Religious Broadcasting: The Case of the BBC*. PhD Thesis. Centre for Cultural Policy Research Department of Theatre, Film and Television. University of Glasgow.
- Chandra Muzaffar (1987). *Islamic Resurgence in Malaysia*. Penerbit Fajar Bakti, Petaling Jaya.
- Che Mahzan Ahmad (2008). *Communication in Muslim Nations*. Broadcasting Islam on Malaysia Television, ed., Mohd Yusof Hussain pp. 189-202.: IIUM Press, IIUM, Kuala Lumpur.
- Chris Barker (1997). *Global television: An introduction*. Wiley-Blackwell.
- Chua Ai Lin (2019). The Story of Singapore Radio (1924-41). Retrieved from <http://www.nlb.gov.sg/biblioasia/2016/04/05/the-story-of-singapore-radio-1924-41/>
- Cicovacki, P. (2004). *Transdisciplinarity As An Interactive Method: A Critical Reflection On The Three Pillars Of Transdisciplinarity*. TRANS: Internet Journal for Cultural Sciences, 15(1). Retrieved from http://www.inst.at/trans/15Nr/01_6/cicovacki15.htm
- Cohen D, & Crabtree B (2006). *Qualitative Research Guidelines Project*. <http://qualres.org/HomeInte-3516.html>. Retrive: 10 Feb 2017.
- Cohen, L. B. & M. (2004). *Film Theory and Critism: Introductory Readings* (6th ed., pp. 561–564). New York: Oxford University Press.
- Creswell, John W (2012). *Qualitative Inquiry And Research Design: Choosing Among Five Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Creswell, John W. (2009) *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed-Methods Approaches*, 3rd Ed. USA. Thousands Oaks: Sage.
- Cynara M. Medina. (2011). *Understanding the ABC 's of Ugly Betty : A Rhizomatic Analysis of the Illegal Immigrant Narrative in Ugly Betty , the Political Economy of Latino (a) Television Audiences, and Fan Engagement with Television Texts A dissertation presented to the facult*. Ohio University.
- Dakwah (2013) *Catatan Editorial. Media: Menyusahkan Atau Menyenangkan?* isu 19. Mei/Jun. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Kuala Lumpur.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (2005). *The SAGE Handbook of Qualitative Research* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.

- Dewan Budaya (1989). *Tradisi Keintelektualan Melayu*. Ogos. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Dewan Budaya (2013). *Kotak Kehidupan*. April. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Dominick J. R. (2002) *The Dynamics Of Mass Communication: Media In The Digital Age* (7th ed.) McGraw-Hill. Boston.
- Edelstein, A., Ito, Y. & Kepplinger, H.M. (1989). *Communication and Culture: A Comparative Approach*. New York: Longman Inc.
- Elisabeth Rotua Simamora (2016) *Spasialisasi Dan Konglomerasi Media Pada Kelompok Kompas Gramedia*. The Messenger, Volume VIII, Nomor 2, Edisi Juli 2016. 100-111
- Elrafaei Sapi (2011) *Dakwah Cara Ustaz Don*
<http://www.hmetro.com.my/articles/DakwahcaraUstazDon/Article/>. Dilayari pada 3 Januari 2012
- Engle, E. A. (2009). *Ontology, Epistemology, Axiology*. *Appalachian Journal of Law*, 8(1), 103-122.
- Encyclopædia Britannica, (2009). *Axiology*.
<https://global.britannica.com/topic/axiology>. Di layari 21 feb 2017.
- Esposito John L., (2002) *Unholy War: Terror in the Name of Islam*. New York: Oxford University Press.
- Fathi Yakan (2008) *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*: Dewan Pustaka Fajar.
- Fikhry Hakim Fadzilullah (2015). *Konsep Pengurusan Konflik Menurut Perspektif Barat dan Islam: Suatu Perbandingan*. Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah. Disunting oleh; Ahmad Irdha Mokhtar dan Zulkefli Aini. Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi.
- Fine, M., Weis, L., Weseen, S., & Wong, L. (2000). *For whom? Qualitative Research, Representations, and Social Responsibilities*. In N. Denzin & Y. Lincoln (Eds.), *Handbook of qualitative research* (2nd ed., pp. 107–131). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Firuzabadi, Muhammad ibn Ya'qub (1952) *Al-Qamus al-Muhit wa al-Qabus al-Wasit*, Mustafa al-Bab al-Halabi, Cairo.
- Flick, U. (2009), *An Introduction to Qualitative Research*, 4nd ed. London: Sage Publications Limited
- Fuchs Christian (2015) *Dallas Smythe Today – The Audience Commodity, the Digital Labour Debate, Marxist Political Economy and Critical Theory. Prolegomena to a Digital Labour Theory of Value*. pp.: 522–599 (78). Marx and the Political

Economy of the Media. Editor, Christian Fuchs & Vincent Mosco. Boston: BRILL

Fuziah Kartini Hassan Basri. (2009). *Televisyen dan Islam Hadhari: Potensi dan Kekangan*. In Mohd Safar Hasim & Zulkiple Abd Ghani (Ed.), *Komunikasi Di Malaysia Suatu Penelitian Awal Pendekatan Islam Hadhari* (p. 219). Bangi, Selangor: Institut Islam Hadhari, UKM.

Garnham, N. (1979). *Contribution to a Political Economy of Communication*. *Media, Culture & Society* 1 (2): 123–146.

Gatsiounis, I. (2006). *Islam Hadhari in Malaysia*. In H. Fradkin, H. Haqqani & E. Brown (Eds.), *Current trends in Islamist ideology. Volume 3*, (pp. 78-88). Washington D.C.: Hudson Institute.

Glaser, B., & Strauss, A. (1967). *The Discovery Of Grounded Theory*. Chicago: Aldine.

Golafshani, N. (2003). *Understanding Reliability and Validity in Qualitative Research*. *The Qualitative Report*, 8 (4), 597-607. Retrieved from <http://www.nova.edu/ssss/QR/QR8-4/golafshani.pdf>

Gomes, A. G. (2007). *Modernity and Malaysia: Settling the Menraq forest nomads*. New York: Routledge.

Gomez, E. T., & Jomo, K. S. (1999). *Malaysia's Political Economy: Politics, Patronage And Profits*. CUP Archive.

Gronroos, C. (1984). *A Service Quality Model and Its Marketing Implications*. *European Journal of Marketing*. 18(4), pp. 23-28.

Hafizahril Hamid (2011). *Nilai Sebuah Televisyen*. *Mingguan Malaysia* 30 Januari 2011.

Hamid Mowlana (2007). *Theoretical Perspectives on Islam and Communication*. *China Media Research*, 3(4), 23-33.

Hamisah Hasan & Abdul Muati @ Zamri Ahmad (2009). *Asean Delights: A Study of Asean Programs on Malaysian TV*. *Malaysian Journal of Media Studies* Volume 11. Vol. 11, No. 1, Pages 95-104

Hammermeister, J., Brock, B., Winterstein, D., & Page, R. (2005). *Life Without TV? Cultivation Theory And Psychosocial Health Characteristics Of Television-Free Individuals And Their Television-Viewing Counterparts*. *Health communication*, 17(3), 253–64. doi:10.1207/s15327027hc1703_3

Hammersly, M. (1992). *What's wrong with ethnography? Methodological explorations*. London: Routledge.

Hammersley, M. and Atkinson, P. (1995) *Ethnography: Principles in Practice*, (2nd ed). London: Routledge.

- Hamzah, A., Krauss, S. E., Noah, S. M., Suandi, T., Juhari, R., Manap, J., & Kassan, H. (2007). Muslim religiosity and personality assessment: prototype for nation building. *Selangor: Institute for Social Sciences Studies (IPSAS)-University Putra Malaysia*.
- Haron Din (1992). *Tasawwur Islam*. Edisi kedua. Penerbitan HIZBI. Shah Alam
- Hartman, R. S. (1967). *The Structure Of Value: Foundations Of Scientific Axiology*. Carbondale, IL: Southern Illinois University Press.
- Hasan, K., & Satria, D. (2009). *Kapitalisme, Organisasi Media dan Jurnalis: Perspektif Ekonomi Politik Media*. 2(3), 1–18.
- Haz Haz BK. (2008, February 15). *Malaysia Akan Mempunyai Televisyen Islam Pertama Tidak Lama Lagi*. Bernama. Kuala Lumpur.
- Heron, J. (1996) *Co-Operative Inquiry: Research Into The Human Condition*. London: Sage.
- Hooker, V. M. (2003). *A short history of Malaysia: Linking East and West*. Sydney: Allen & Unwin.
- Hussin Mutalib (1990). *Islam and Ethnicity in Malay Politics*. Singapore: Oxford University Press.
- Hussin Mutalib (1993). *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*. Singapore: Singapore University Press.
- Immanuel Kant (1987). *Critique of Judgment*. Translated, by Werner s. Pluhar. Indianapolis: Hackett Publishing
- Institut Numerique, (2012). *Research Methodology*. <http://www.institut-nerique.org/chapter-3-research-methodology-4ffbd6e5e3391> [retrieved 21 Feb, 2017].
- INTAN (1994). *Citra Karya: Falsafah, Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia*. INTAN. Petaling Jaya.
- Investopedia (2016) *Political Economy*. <http://www.investopedia.com/terms/p/political-economy.asp#ixzz4BAeIwIkM>. Retrieved 21 April, 2017.
- Irwa R. Zarkasi (2015) *Dinamika Kelompok-Kepemilikan Media Sebagai Proses Strukturasi Dalam Industri Media Di Indonesia : Studi Kasus Relasi Radio Induk dan Radio Jaringan Dalam Kelompok-Kepemilikan Radio Siaran Masima Radionet dan Mahaka Media*. Universitas Al Azhar Indonesia. https://www.researchgate.net/publication/319255175_DINAMIKA_KELOMPOK-KEPEMILIKAN_MEDIA_SEBAGAI_PROSES_STRUKTURASI_DALAM_INDUSTRI_MEDIA_DI_INDONESIA_Studi_Ka

sus_Relasi_Radio_Induk_dan_Radio_Jaringan_Dalam_Kelompok-
Kepemilikan_Radio_Siaran_Masima_Radion . Retrieved 21 November, 2018.

IYRES, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2016). *Indeks Belia Malaysia 2015: Mengukur Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia*. Pp 71-73.

IYRES, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2017). *Outcome Evaluation Study Malaysian Youth Index 2016*. Pp 50-52

Jabatan Penerangan (2016). *Sistem-Sistem Ekonomi*.
<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/ekonomi/5698-sistem-sistem-ekonomi.html> (9 November 2016)

Jabatan Penerangan, (2017). *Dasar Penswastaan*.
<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/home/300-dasar-dasar-ekonomi/1377-dasar-penswastaan-negara.html>. 26 September 2017.

Jabatan Perdana Menteri, (2012). *Kejayaan Institusi-Institusi Agama Di Bawah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri 2009 hingga 2012*.
http://www.Islam.gov.my/images/ePenerbitan/Kejayaan_Institusi_Agama_di_Bawah_Menteri_JPM.pdf

